

Perlis cadang Dr. Mahathir dilantik Yang Dipertua Perkim

UM 21 MAY 2005

KANGAR 20 Mei — Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (Perkim) Perlis mencadangkan agar bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad dilantik sebagai Yang Dipertua pertubuhan tersebut bagi menggantikan penyandangannya, Tan Sri Abdul Taib Mahmud yang akan melepaskan jawatannya itu tidak lama lagi.

Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim berkata, Perkim Perlis mencadangkan Dr. Mahathir yang dianggap tokoh paling layak mengetuai pertubuhan tersebut.

“Tan Sri Taib menarik diri sebagai Yang Dipertua kerana kesibukannya sebagai ketua parti dan Ketua Menteri Sarawak,” katanya kepada pemberita selepas mengadakan per-

temuan dengan rombongan perdagangan dari Hong Kong di pejabatnya di sini hari ini.

Shahidan menjelaskan, selain Perkim Perlis, Perkim Melaka juga mengemukakan cadangan yang sama untuk melantik Dr. Mahathir mengisi jawatan itu.

Bagaimanapun, jelas beliau, setakat ini pihaknya belum menerima maklum balas secara terbuka daripada mana-mana Perkim negeri lain.

“Saya rasa semua Menteri Besar dan Ketua Menteri di negara ini tidak ada masalah untuk menyokong pelantikan Tun Dr. Mahathir sebagai Yang Dipertua Perkim,” katanya.

Menurut beliau, pihaknya difa-

hamkan bahawa Dr. Mahathir telah menyatakan persetujuannya untuk memegang jawatan berkenaan menerusi sepucuk surat yang dihantar kepada Perkim negeri.

Jika Dr. Mahathir bersetuju dengan cadangan tersebut, katanya, bekas Perdana Menteri itu merupakan pemimpin ketiga menerajui Perkim selepas bekas Perdana Menteri yang pertama, Allahyarham Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj dan Abdul Taib.

Beliau berharap Perkim akan menjadi lebih mantap dalam memperkembangkan syiar Islam di negara ini apabila diterajui Dr. Mahathir.